

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi**  
**[ Sungai Besar ]**

**SOALAN : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [ Sungai Besar ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah pelan jangka masa panjang pihak Kementerian bagi melindungi industri pertanian dan pembekalan makanan daripada mengalami masalah kerugian serta kekurangan bekalan makanan ketika berlakunya bencana alam seperti banjir besar ketika musim tengkujuh.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan makanan di dalam negara kita masih mencukupi untuk menampung keperluan rakyat semasa kita menghadapi bencana pada masa kini dan akan datang.

Negara mempunyai stok penimbal beras bagi memastikan bekalan beras yang mencukupi untuk menampung keperluan maksimum selama 30 hari yang bersamaan dengan 150,000 tan metrik. Jumlah stok penimbal ini boleh dikaji dari masa ke masa berdasarkan keadaan semasa seperti harga beras dunia bagi memastikan bekalan beras negara adalah terjamin.

Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga telah mewujudkan stok simpanan ikan sejuk beku sedia ada sebanyak 145 tan metrik ini mampu menampung bekalan ikan bagi kawasan tengah, selatan, utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia.

Selain itu, sekatan eksport bagi hasil pertanian juga boleh dilaksanakan dalam menghadapi musim bencana dan perayaan seperti di bawah Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan

2010, dimana sekatan eksport ini dilaksanakan selama 6 bulan iaitu 3 bulan pertama sepanjang bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri serta 3 bulan seterusnya sepanjang Tahun Baru Cina dan musim tengkujuh.

Bagi melindungi industri pertanian dan pembekalan makanan daripada mengalami masalah kerugian pula, kementerian melalui Agro Bank sedang membangunkan satu model dan mekanisme pelaksanaan Skim Insuran Pertanian bagi melindungi petani, penternak dan nelayan daripada kerugian akibat bencana alam dan wabak penyakit selain mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Model yang sedang dibangunkan ini adalah berdasarkan kepada model insuran komersial.